

Artikel

Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Dalam Pembangunan Modal Insan Murid Sekolah Rendah

(Teachers' Perceptions on the Implementation of Classroom-Based Assessment (CBA) in Developing Human Capital among Primary School Pupils)

Nor Farah Aina Darwira¹, Fatin Umaira Muhamad Azian^{1*} & Suhana Ismail²

¹Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

²Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: fatin.umaira@ukm.edu.my

Diserah: 01 Jun 2025

Diterima: 20 Ogos 2025

Abstrak: Sejak kebelakangan ini, sistem penilaian murid di sekolah telah mengalami perubahan dengan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang bertujuan membangunkan modal insan murid sekolah. Dalam menilai keberkesanan pelaksanaan ini, persepsi guru amat penting bagi menjayakan dimensi baru/baharu penilaian murid. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji persepsi guru terhadap keberkesanan (PBD) dalam menilai pembangunan modal insan murid sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kualitatif melalui temu bual bersama tujuh orang guru yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah di sekitar Kuantan, Pahang. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru telah beralih daripada pendekatan berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran berterusan dan berperanan sebagai fasilitator. Guru juga mengakui keberkesanan PBD dalam menilai potensi murid dari aspek sahsiah, komunikasi, kepimpinan dan kerjasama. Namun, pelaksanaan PBD masih berdepan cabaran seperti beban tugas, dokumentasi yang banyak, kekangan masa serta kurang kefahaman ibu bapa. Kajian ini memberi implikasi kepada guru, pembuat dasar dan pihak sekolah untuk memperkukuh pelaksanaan PBD dalam usaha membangunkan modal insan murid secara holistik.

Kata Kunci: Pentaksiran bilik darjah; murid; sekolah rendah; persepsi guru; Malaysia

Abstract: In recent years, student assessment in schools has undergone significant changes with the implementation of Classroom-Based Assessment (CBA), aimed at developing primary school pupil's human capital. In assessing this effectiveness of this implementation, teacher perceptions are crucial in ensuring the success of this new assessment dimension. Therefore, this study examines teachers' perceptions of the effectiveness of CBA in primary school pupils. This study employed a qualitative approach by conducting interviews with seven teachers who are directly involved in the implementation of CBA in primary schools around Kuantan, Pahang. The data were analysed using thematic analysis. The findings showed that the teachers have shifted from an examination-oriented approach to a continuous assessment approach and played a more facilitative role. Teachers acknowledged the effectiveness of CBA in assessing pupils' potential in terms of personality, communication, leadership and collaboration. Nevertheless, the implementation of CBA still faces challenges such as workload, extensive documentation, time constraints and parents lack of understanding. This study provides implications for teachers, policymakers and schools to strengthen the implementation of CBA in effort to holistically develop pupils' human capital.

Keywords: Classroom-Based Assessment; pupil; primary school; teacher perception; Malaysia

Pengenalan

Setiap negara di dunia ini semestinya mempunyai sistem pendidikan tersendiri dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti. Menurut Mior (2011), sistem pendidikan melalui persekolahan merupakan elemen penting bagi sesebuah negara dalam membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik dan sosial. Sistem pendidikan telah diketengahkan sebagai satu elemen penting dalam pembangunan masyarakat dan kemajuan negara. Halini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) keempat iaitu Pendidikan Berkualiti, yang menekankan pentingnya pendidikan berkualiti untuk generasi kini dan masa hadapan. Tambahan pula, ia menekankan bahawa pendidikan inklusif dan berkualiti dapat membuktikan pendidikan antara wahana paling kuat dan terbukti untuk pembangunan lestari (Berita Harian, 2021). Malaysia turut tidak ketinggalan dalam memperkukuh tahap kualiti pendidikan negara melalui pelbagai perancangan strategik ke arah pembangunan modal insan.

Bagi pemantapan Pendidikan, terdapat dua peringkat pendidikan yang diwajibkan ke atas setiap individu di Malaysia iaitu pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kedua-dua peringkat ini merupakan tahap minimum yang perlu dilalui oleh setiap individu kerana pendidikan dianggap sebagai satu aspek penting dalam pembangunan diri dan negara. Hal ini terbukti apabila Kementerian Pendidikan (KPM) kini dalam proses memuktamadkan Dasar Pendidikan Wajib Sekolah Menengah dalam usaha mengekang masalah keciciran pelajar di negara ini (Berita Harian, 2025). Pendidikan yang bermula dari peringkat rendah hingga menengah memberikan asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk individu meneruskan kehidupan dalam masyarakat yang semakin berkembang, sekaligus menyokong pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Selain daripada itu, keberkesanan dan kejayaan dasar pendidikan itu dapat diukur berdasarkan tahap pencapaian murid dalam akademik. Penilaian prestasi murid ini boleh dinilai melalui aktiviti kuiz, pembentangan, ujian dan peperiksaan awam (Gosman et al., 2020). Di Malaysia, sistem ini secara tradisinya diwujudkan melalui peperiksaan awam seperti UPSR, PT3 dan SPM. Namun, dengan perkembangan semasa, rombakan terhadap sistem peperiksaan ini telah dilaksanakan dalam proses penilaian pelajar.

Pemansuhan peperiksaan awam mencetuskan perubahan ketara bukan sahaja dalam kaedah penilaian sistem pendidikan malah turut memberi kesan terhadap prestasi akademik murid dan pembangunan modal insan mereka sekali gus memerlukan penelitian secara menyeluruh. Rentetan daripada perkara tersebut, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dijadikan sebagai tahap ukur pencapaian pendidikan seseorang murid di sekolah. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ialah pendekatan yang diiktiraf secara meluas dalam pendidikan, menekankan penilaian berterusan untuk meningkatkan pembelajaran dan perkembangan pelajar. Pelaksanaan PBD di peringkat global berbeza-beza dengan ketara, mencerminkan konteks dan objektif pendidikan yang pelbagai. Sebagai contoh, PBD di Amerika Syarikat memfokuskan kepada penilaian pelajar berkeperluan khas dan menyediakan maklumat khusus untuk menyesuaikan pengajaran (Sulak et al., 2025), manakala Australia memfokuskan kepada amalan penilaian berpusatkan pelajar (Hills & McNamara, 2012). Berlainan pula di Malaysia, pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah salah satu cara pentaksiran asas yang boleh dilakukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah berlandaskan kepada kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Guru adalah penggerak kepada sistem persekolahan murid serta merupakan individu akan menjalankan perancangan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang berimpak tinggi dalam pelaksanaan PBD (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2018). Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami bagaimana guru sebagai pelaksana menerima serta menyesuaikan diri dengan sistem penilaian baru ini. Kajian awal mendapati sebanyak lebih dari 50 peratus masa guru adalah terlibat dengan aktiviti pentaksiran (Barbara & Plake, 1991). Cumming dan Wyatt-Smith (2009) juga berpendapat guru biasanya menghabiskan antara satu pertiga dan separuh masa kelas mereka untuk aktiviti penilaian. Hal ini telah mendatangkan pelbagai permasalahan dalam kalangan guru di sekolah atas faktor pembahagian masa dan juga tahap kemahiran guru dalam proses pelaksanaan sistem PBD.

Ashma dan Muna (2023) juga berpendapat terdapat isu-isu yang timbul dikalangan guru dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah mengikut tahap kesediaan bagi pelaksanaan PBD.

Selain itu, Siti Hauzimah (2019) membuktikan guru didapati masih tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang teknik pelaksanaan, menjalankan pemerhatian serta menguasai maklumat pentaksiran untuk melakukan tindakan susulan. Hal ini disokong oleh Mat Yusoff et al. (2025) yang menyatakan beban pentadbiran yang berat menghalang kepada pelaksanaan PBD yang berkesan sejajar dengan Dasar Kurikulum Kebangsaan. Perkara ini disebabkan guru tidak mendapat pendedahan yang betul dan jelas dalam pelaksanaan pentaksiran dan hanya melaksanakan PBD mengikut garis panduan yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Terdapat juga guru yang tidak memahami, salah tanggapan dan ragu-ragu dalam pelbagai sudut ketika proses pentaksiran termasuklah objektif pelaksanaan, teknik melaksanakan pentaksiran, melakukan pemerhatian, merekod dan mencatat dapatan, mentafsir dapatan yang diperolehi dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan PdP di dalam kelas (Arsaythamby et al., 2015).

Lanjutan daripada itu, pelbagai kekangan yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PBD masih menjadi antara cabaran dalam memastikan keberkesanan pelaksanaannya (Noorzeliiana Idris, 2016). Walaupun mereka telah diberikan pendedahan dan latihan berkaitan konsep serta kaedah pelaksanaan pentaksiran, masih ramai guru dilaporkan tidak yakin dengan kefahaman mereka terhadap konsep serta pelaksanaan sebenar PBD dalam konteks bilik darjah (Fakhri & Awang, 2016). Keadaan ini seterusnya mendorong kepada pelaksanaan yang tidak konsisten dan tidak efektif. Oleh yang demikian, kajian ini menfokuskan kepada mengkaji persepsi guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Pembangunan Modal Insan murid sekolah rendah.

Sorotan Literatur

1. Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah salah satu cara pentaksiran asas sekolah yang diperkenalkan pada hujung tahun 2016. Pentaksiran ini boleh dilakukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah berlandaskan kepada kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem ini telah dijalankan sepenuhnya di dalam kurikulum yang telah disusun sebagai KSSR pada tahun 2018 bagi memastikan penaksiran dijalankan setelah pemansuhan sistem peperiksaan dimansuhkan (Ashma & Wan Muna, 2023). PBD juga melibatkan pengumpulan maklumat secara berterusan untuk memberikan gambaran yang holistik tentang perkembangan murid dalam pelbagai aspek. Berdasarkan kajian oleh Halimah Jamil (2019), negara seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kanada adalah antara negara yang telah lama mengamalkan pentaksiran dalam sistem pendidikan mereka. Antara aspek-aspek yang boleh ditaksir melalui PBD adalah seperti pengetahuan, kemahiran berfikir dan kemahiran amali.

Terdapat enam tahap penguasaan dalam setiap mata pelajaran yang menjadi aras penentu dalam memberikan gambaran holistik kepada pencapaian murid. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan PBD 2019, tahap yang pertama adalah murid mengetahui perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. Tahap kedua, murid menunjukkan pemahaman dengan dapat memberitahu sesuatu perkara yang telah dipelajari dalam bentuk percakapan. Tahap ketiga pula, murid dapat menggunakan pengetahuan dan dapat melakukan sesuatu kemahiran pada suatu situasi. Seterusnya adalah tahap keempat dimana, murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran mengikut prosedur.

Seterusnya, bagi tahap kelima, murid dapat menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas secara analitik dan sistematik serta bersikap positif dan tahap yang keenam, murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi. Tahap penguasaan minimum bagi semua mata pelajaran adalah ditetapkan pada Tahap Penguasaan Tiga (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Namun, tidak semua murid di Malaysia ini mampu untuk mencapai sekurang-kurangnya tahap ini kerana potensi setiap murid adalah berbeza-beza. Oleh itu, guru perlulah

mengambil tindakan untuk membantu meningkatkan pencapaian murid bagi mencapai tahap penguasaan yang minimum.

Terdapat juga beberapa fungsi utama PBD antaranya adalah sebagai platform untuk memberikan maklum balas segera berkaitan semua aktiviti dalam bilik darjah. Dengan penilaian berterusan, guru dapat memberikan maklum balas segera kepada murid serta ibu bapa, membantu mereka memahami prestasi mereka dan mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diperbaiki. Perkara ini adalah selaras dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yates dan Johnston (2018) bahawa pendekatan peperiksaan adalah kurang sesuai untuk diamalkan untuk murid-murid pada zaman ini memandangkan setiap murid mempunyai potensi dan kebolehan yang berbeza. Selain daripada itu, PBD juga berfungsi dalam proses mendokumentasikan pencapaian murid. PBD membantu dalam menyusun rekod pencapaian murid dari semasa ke semasa yang dapat digunakan untuk tujuan peningkatan prestasi dan sebagai rujukan ibu bapa semasa hari pelaporan bulanan murid.

Dalam memastikan murid-murid melakukan amalan pembelajaran yang efektif, guru memainkan peranan yang penting dalam membina asas pendidikan yang kukuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Guru-guru adalah individu yang bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam melaksanakan PBD yang efektif.

Bagi menjalankan perancangan PdP yang berimpak tinggi, pelaksanaan PBD dilaksanakan oleh guru ketika di dalam kelas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Guru-guru perlu menguasai setiap mata pelajaran yang diajar serta pentaksiran yang dilakukan perlulah secara bertanggungjawab, telus dan sistematik. Pembentukan dan penstrukturan program yang berkesan mampu mendorong kepada kepimpinan guru serta memberi kesan kepada pengajaran di bilik darjah sesuai dengan penglibatan pembelajaran murid (Taylor et al. 2011). Menurut kajian Richardson (2011), efikasi sendiri guru yang tinggi dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.

2. Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Bermula tahun 2017, pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dilaksanakan sepenuhnya dalam konteks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi murid-murid Tahap 1 di sekolah rendah. Sejak pengenalan PBD, pelbagai bentuk input telah diberikan kepada guru bagi memastikan pelaksanaannya mencapai objektif yang disasarkan (Baskaran et al., 2021). Dalam konteks pelaksanaan PBD, guru berperanan sebagai pemangkin utama dalam mengupayakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Justeru itu, terdapat beberapa langkah ataupun tahap pelaksanaan PBD yang termaktub dalam Kementerian Pendidikan Malaysia 2018.

Antara langkah pertama dalam pelaksanaan PBD ialah merancang PdP dan kaedah pentaksiran di mana guru menentukan objektif pembelajaran, kriteria kejayaan dan strategi pengajaran serta pentaksiran yang sesuai. Kaedah pentaksiran dalam PBD boleh dilaksanakan secara pemerhatian, lisan dan penulisan sama ada secara berasingan atau digabungkan. Pentaksiran ini dijalankan secara berterusan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat dan menyeluruh berkaitan keupayaan, perkembangan serta prestasi kemajuan murid. Guru-guru juga mestilah menentukan objektif pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dan yang perlu ditaksir oleh guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Tahap yang kedua adalah melaksanakan PdP dan pentaksiran. Guru-guru akan menjalankan aktiviti pembelajaran dan pentaksiran melalui kaedah lisan, bertulis, pemerhatian dan aktiviti amali yang membolehkan murid menunjukkan tahap penguasaan terhadap pembelajaran mereka. Pentaksiran lisan dijalankan secara spontan ketika PdP atau dirancang melalui sesi soal jawab atau kuiz. Ia merupakan kaedah pentaksiran yang mudah dan pantas untuk mengesan perkembangan atau tahap penguasaan murid. Kaedah melibatkan penilaian aspek seperti kefahaman konsep, pengetahuan fakta, penggunaan bahasa yang tepat serta pertuturan dan sikap murid. Semasa menyediakan instrumen, guru perlu memastikan bahawa soalan, pernyataan, ilustrasi dan bahan rangsangan yang digunakan adalah jelas serta mudah difahami (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Tahap ketiga pula adalah aktiviti merekod dan menganalisis penguasaan murid. Merekod merupakan aktiviti mencatat maklumat secara sistematik berkaitan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan penguasaan murid secara berkala (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Maklumat yang direkod perlu sentiasa

dikemas kini, disimpan dan dijaga dengan baik bagi memudahkan guru membuat rujukan tentang pembelajaran murid. Aktiviti merekod dilakukan secara berterusan agar maklumat lengkap tentang penguasaan pembelajaran murid terkumpul dan mudah dirujuk (Jabatan Agama Islam, 2021). Maklumat yang dikumpulkan ini membolehkan guru membuat pertimbangan profesional dalam menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sekali gus dalam merancang tindakan susulan yang sesuai mengikut keperluan seseorang murid.

Tahap yang terakhir dalam pelaksanaan PBD adalah pelaporan tahap penguasaan murid. Pelaporan merupakan proses penyampaian maklumat pentaksiran semasa ke semasa berkaitan kemajuan pembelajaran yang membolehkan guru dan ibu bapa mengenalpasti pencapaian murid dengan lebih terperinci (Norliza, 2024). Perkembangan dan kemajuan murid boleh dilaporkan secara lisan atau bertulis yang merangkumi tahap penguasaan, perlakuan murid serta cadangan tindakan susulan yang dicadangkan oleh guru kelas. Di samping itu, pelaporan membantu guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid serta menambah baik proses PdP.

Selain memperkasakan modal insan pelajar, pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memberi pengaruh yang besar kepada pembangunan modal insan guru. PBD memberi pengalaman mengajar yang spesifik kepada tugas dan persekitaran tertentu dalam perkembangan modal sosial guru bagi peningkatan prestasi pelajar dengan interaksi sosial yang proaktif. PBD juga menjadi platform dalam perkongsian pengetahuan melalui pemahaman bacaan dan pengalaman (Liu, 2021). Selain itu, PBD dapat memberi pendedahan dalam peningkatan kemahiran penilaian guru bagi meningkatkan kualiti dan konsistensi dalam proses penilaian (Mohamed, 2024). PBD juga memberi peluang kepada guru dalam penyelidikan Pendidikan, dasar Pendidikan dan peningkatan kepercayaan guru dalam memenuhi kehendak pelaksanaan PBD (Popov & Shestakova, 2024).

3. Persepsi Guru terhadap PBD

Namun demikian, terdapat beberapa isu berkaitan sejauh mana tahap keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ini untuk menggantikan sistem peperiksaan yang hanya mementingkan akademik murid-murid. Menerusi kajian Fakhri dan Awang (2016), menyatakan bahawa guru-guru telah didapati berasa kurang yakin dalam menjalankan pentaksiran walaupun mereka telah diberikan pendedahan berkaitan pentaksiran. Penguasaan berkaitan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sangat penting dalam kalangan guru bagi menilai tahap penerimaan murid dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, guru-guru harus bersedia sepanjang masa untuk menghadapi sebarang perubahan yang akan terjadi tetapi masih mengekalkan tujuan yang asal (Ashma & Wan Muna 2023). Mukhtar et al. (2016) menyatakan bahawa guru yang kurang mahir dalam pelaksanaan pentaksiran adalah mereka yang tidak bersedia untuk melaksanakan pentaksiran kerana kesediaan guru itu adalah suatu perkara yang penting bagi keberkesanan dalam pelaksanaan sekaligus dengan perubahan kurikulum yang dilakukan.

Keddie (2018) juga mengatakan bahawa walaupun PBD ini diwujudkan berlandaskan konsep pentaksiran formatif yang sudah lama diperkenalkan, namun setiap perubahan akan sentiasa membawa kesangsian kepada guru yang memainkan peranan penting sebagai agen pelaksana kurikulum. Zahari et al. (2020) menerangkan bahawa bidang PBD bukanlah suatu yang mudah untuk dikuasai. Tambahan lagi, tidak terdapat persetujuan yang jelas dalam kalangan pakar mengenai aspek yang perlu dikuasai oleh guru dalam PBD. Setiap perubahan yang dilakukan dalam sistem pendidikan memerlukan tempoh masa satu tahun minimum untuk memastikan sistem itu diketahui sepenuhnya kepada semua individu yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan sistem tersebut. Latihan dan kursus yang bersesuaian juga perlu diberikan kepada guru-guru untuk memastikan kompetensi mereka untuk melaksanakan perubahan yang telah diperkenalkan (Kwiek & Szadkowski, 2018).

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Malaysia sememangnya telah mewujudkan perubahan ketara dalam pendekatan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran. Sebahagian besar daripada guru-guru menerima baik pelaksanaan PBD kerana ia memberi ruang untuk memahami perkembangan murid secara menyeluruh dan bukan hanya bergantung kepada keputusan peperiksaan. Guru juga menghargai pendekatan PBD yang memberi penekanan kepada pelbagai aspek perkembangan murid termasuk kognitif, psikomotor

dan afektif. Perkara ini dipetik selaras dengan hasil kajian Nurul dan Anuar (2022) yang menyatakan bahawa guru memahami keperluan PBD dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Akan tetapi, ramai guru berdepan kekeliruan dalam memahami konsep sebenar PBD terutamanya berkaitan prosedur pelaksanaan, penentuan tahap penguasaan murid serta kaedah merekod dan melaporkan hasil pentaksiran. Menurut kajian Arsaythamby et al. (2015), ramai guru tidak jelas tentang teknik pelaksanaan pentaksiran, masa yang sesuai untuk melaksanakannya serta bagaimana menginterpretasi data pentaksiran untuk tindakan susulan. Tambahan pula, walaupun guru telah mengikuti kursus berkaitan pentaksiran tersebut, keyakinan mereka dalam melaksanakan PBD masih rendah. Ramai guru menganggap PBD ini menambah beban kerja mereka terutamanya dari segi merekod maklumat secara terperinci dan menyediakan laporan yang sistematik (Fakhri & Awang, 2016). Oleh sebab itu, ia telah menimbulkan kebimbangan tentang kesahan dan kebolehpercayaan data PBD yang dikumpulkan.

Metodologi

Kajian berbentuk kaedah kualitatif digunakan bertujuan untuk menilai secara mendalam persepsi guru-guru terhadap PBD. Kaedah temubual dipilih bagi proses pengumpulan data bagi menjawab objektif kajian. Sampel kajian ini adalah sebanyak tujuh orang informan yang bersesuaian dengan kajian kualitatif (Creswell, 2018). Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memperoleh data kajian. Secara umumnya, persampelan bertujuan adalah pemilihan sampel daripada populasi yang khusus dan spesifik.

Di dalam kajian ini, sampel-sampel yang dipilih mestilah mempunyai kriteria seperti informan terdiri daripada guru-guru sekolah rendah yang terlibat dengan pelaksanaan PBD di sekitar sekolah rendah di daerah Kuantan, Pahang. Selain itu, guru yang terlibat merupakan guru bagi subjek teras yang merupakan komponen utama yang dinilai dalam peperiksaan UPSR sebelum berlakunya pemansuhan peperiksaan serta mempunyai pengalaman mengajar dalam dua era sistem pendidikan iaitu sewaktu pelaksanaan peperiksaan awam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan semasa pelaksanaan PBD. Ini membolehkan mereka memberikan pandangan yang lebih mendalam dan berasaskan pengalaman sebenar mengenai perubahan dalam sistem pentaksiran serta keberkesanannya terhadap pembangunan modal insan murid. Bagi soalan temubual, kesahan pakar telah dilakukan. Soalan temubual merangkumi soalan berfokus kepada pengalaman pelaksanaan PBD dan persepsi guru kepada pelaksanaan PBD (Bogdan dan Biklen, 2003). Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis tematik secara manual bagi mendapatkan tema yang bersesuaian bagi mencapai objektif kajian.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Demografi Informan

Temu bual telah dilakukan ke atas tujuh orang informan. Daripada tujuh orang informan, seramai dua orang informan telah mengajar di sekolah rendah selama 30 tahun, diikuti seorang informan selama 28 tahun, seorang informan selama 20 tahun, seorang informan selama 18 tahun, seorang informan selama 13 tahun dan seorang lagi informan selama 11 tahun. Seterusnya, informan yang dipilih adalah guru-guru sekolah rendah yang mempunyai latar belakang mengajar subjek teras. Seramai dua orang informan mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris, dua orang informan mengajar Bahasa Melayu, dua orang informan mengajar mata pelajaran Sains dan satu lagi informan mengajar mata pelajaran Matematik. Jadual 1 menunjukkan ringkasan dapatan informan kajian.

Jadual 1. Latar belakang informan

Informan	Tempoh Mengajar	Mata Pelajaran
1	28 tahun	Bahasa Inggeris
2	30 tahun	Bahasa Melayu
3	11 tahun	Bahasa Inggeris
4	13 tahun	Sains

5	30 tahun	Matematik
6	20 tahun	Sains
7	18 tahun	Bahasa Melayu

2. Persepsi Guru Mengenai Pelaksanaan PBD

Daripada hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai persepsi oleh guru tentang pelaksanaan PBD pada peringkat awal. Dalam konteks ini, kefahaman guru terhadap konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan aspek penting yang menentukan kualiti pelaksanaannya. PBD dirangka sebagai satu bentuk pentaksiran alternatif yang bukan hanya menilai pencapaian akademik murid tetapi juga menilai perkembangan mereka secara menyeluruh termasuk aspek sahsiah dan kemahiran insaniah.

Kefahaman Terhadap Konsep PBD

Pelaksanaan sesuatu dasar pendidikan hanya akan mencapai keberkesanan optimum sekiranya guru sebagai pelaksana utama memahami matlamat dan konsep dasar tersebut. Oleh itu, kajian ini turut meneliti sejauh mana guru memahami objektif dan fungsi sebenar PBD dalam bilik darjah. Menurut Informan 2,

“...Dia tengok perkembangan murid secara menyeluruh. Bukan macam peperiksaan biasa yang fokus markah je...” (Informan 2)

Hasil temu bual menunjukkan bahawa kebanyakan informan menyedari bahawa PBD bertujuan menilai murid secara menyeluruh. Sebagai contoh, Informan 2 memahami tentang peranan PBD bersifat sebagai satu bentuk pentaksiran yang lebih luas jika ingin dibandingkan dengan peperiksaan. Konsep ‘menyeluruh’ boleh ditafsirkan sebagai meliputi pelbagai aspek potensi murid bukan hanya tertumpu kepada hafalan atau penilaian bertulis. Menurut Informan 4,

“...PBD tu sendiri nak menilai murid secara menyeluruh, bukan sekadar kemampuan akademik je. Saya nampak murid pun lebih seronok dan aktif sebab pendekatan pembelajaran lebih santai tapi berkesan...” (Informan 4)

Informan 4 turut menyuarakan pandangan hampir sama dengan Informan 2 iaitu PBD itu bukan sahaja memberi penekanan kepada keputusan akhir tetapi turut merangkumi pemerhatian terhadap sikap, keterlibatan dan penglibatan aktif murid sepanjang proses pembelajaran. Hal ini sekali gus memperlihatkan kefahaman beliau terhadap pendekatan pentaksiran formatif yang menjadi teras utama PBD. Menurut Informan 3,

“...PBD bantu bangunkan kemahiran macam softskill. Untuk dapat TP6, student kena cukupkan point tu iaitu bantu kawan dia. Contoh kita bagi problem solving dan minta dia present kat depan cara-cara nak selesaikan...” (Informan 3)

Hal ini menunjukkan bahawa Informan 3 memahami bahawa pentaksiran dalam PBD merangkumi kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan iaitu elemen yang termasuk dalam domain afektif dan psikomotor murid. Ini mencerminkan kefahaman guru terhadap struktur pentaksiran berasaskan tahap penguasaan (TP) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Keberkesanan PBD dalam Menilai Murid Secara Menyeluruh

Salah satu objektif utama pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah untuk menilai perkembangan murid secara menyeluruh dan bukan hanya terbatas kepada aspek akademik. Dalam sistem PBD, guru diberi ruang dan panduan untuk membuat pentaksiran berterusan terhadap murid. Menurut Informan 4,

“...Saya nampak murid lebih semangat untuk belajar sebab mereka tahu penilaian dibuat setiap hari. Pelaksanaan PBD ni sebenarnya dah bantu saya untuk lebih kenal setiap murid saya secara individu...” (Informan 4).

Kenyataan daripada Informan 4 menunjukkan bahawa PBD memberi peluang kepada guru untuk menilai bukan sahaja pencapaian akhir murid, malah memantau perkembangan mereka secara berterusan. Ia juga membolehkan guru mengenali keperluan serta kekuatan setiap murid melalui interaksi harian dan tugas formatif. Menurut Informan 1,

“...Kalau dulu kita hanya tengok siapa skor tinggi masa exam je... Tapi sekarang ni kita tengok juga siapa yang rajin, siapa yang cuba, siapa yang pandai bercakap depan kawan-kawan. Itu pun kita nilai juga...”
(Informan 1)

Hal ini memperlihatkan keberkesanan PBD dalam membuka ruang kepada murid untuk menyerlahkan potensi mereka yang mungkin tidak dapat dilihat melalui ujian bertulis semata-mata. Kemahiran sosial, keberanian untuk bercakap, kepimpinan dan kerjasama kini turut menjadi aspek yang diambil kira dalam proses pentaksiran.

Cabaran Pelaksanaan PBD

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam konteks pendidikan rendah bukan sahaja menuntut perubahan pendekatan dalam penilaian murid, malah turut menguji keupayaan guru dalam menyesuaikan diri dengan kaedah pentaksiran. Cabaran ini merangkumi aspek beban tugas, kekangan masa dan kekeliruan pelaksanaan. Menurut Informan 6,

“...Kita nak ajar, nak urus murid, nak isi data PBD semua dalam satu masa... macam jadi data entry clerk...”
(Informan 6)

Hal ini menunjukkan bagaimana pelaksanaan PBD menuntut guru melaksanakan pelbagai tugas serentak, bukan sahaja dalam sesi PdP tetapi juga dalam kerja pentadbiran dan dokumentasi yang membebankan. Hal ini memberi kesan terhadap fokus guru dalam menyampaikan pengajaran yang efektif. Menurut Informan 3,

“...Nak nilai setiap murid dalam satu masa agak sukar sebab murid ramai... kadang-kadang kita terlepas pandang murid yang perlukan perhatian...” (Informan 3)

Guru menyedari bahawa pelaksanaan PBD memerlukan pemerhatian dan interaksi secara langsung dengan setiap murid. Namun, saiz kelas yang besar dan masa yang terhad menyukarkan guru untuk memberikan perhatian individu seperti yang disarankan dalam garis panduan pelaksanaan PBD. Menurut Informan 7,

“...Sebelum pelaksanaan PBD ni memang kita semua tau cara nak ukur murid adalah dengan UPSR la kan. Kita boleh nampak sasaran, nak capai apa, semua jelas. Tapi bila masuk sistem PBD ni, semuanya kabur...”
(Informan 7)

Petikan ini mencerminkan ketidakpastian guru dalam mengukur pencapaian murid secara objektif apabila tiada standard peperiksaan yang jelas. Informan 7 merasakan PBD tidak sejajar dengan sistem penilaian yang pernah mereka amalkan sebelum ini, sekaligus mewujudkan kekeliruan dalam pelaksanaannya. Ini sekali gus menimbulkan persoalan terhadap keadilan dan keseragaman dalam pelaksanaan PBD di antara sekolah.

PBD dalam Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan merupakan salah satu matlamat jangka panjang dalam sistem pendidikan negara. Dalam konteks pendidikan rendah, pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang bersifat formatif dan menyeluruh dilihat sebagai salah satu mekanisme penting dalam membina potensi murid dari segi sahsiah, sosial dan kepimpinan. Menurut Informan 4,

“...Bila buat aktiviti eksperimen, murid memang kena fikir secara mendalam... kat situ kreativiti mereka makin meningkat...” (Informan 4)

Petikan ini menunjukkan bagaimana murid digalakkan untuk menggunakan pemikiran aras tinggi sekali gus membina modal insan dari segi kognitif dan daya cipta. Informan 4 menyatakan bahawa pendekatan PBD mendorong murid untuk lebih aktif, berani dan kreatif dalam aktiviti pembelajaran. Guru bukan sahaja menilai pencapaian akademik malah turut memberi perhatian kepada elemen seperti kebolehan menyelesaikan masalah, daya usaha dan keberanian menyuarakan idea. Menurut Informan 2,

“...PBD ni kita ada pengajaran bertema. Contoh macam, kita ada pengajaran berasaskan projek. Jadi murid tu boleh explore dan lagi berani nak menyuarakan pendapat tu. Lepastu kita boleh nampak kepimpinan... kita nampak murid mana lebih menonjol, yang aktif dalam sesuatu kumpulan tu lah...” (Informan 2)

Informan 2 yang menyatakan bahawa PBD menyediakan peluang untuk mengenalpasti kepimpinan dalam kalangan murid. Kenyataan ini jelas membuktikan bahawa melalui PBD, guru dapat mengesan murid yang berani menyuarakan pendapat dan dapat memimpin rakan sebaya. Perkara ini berkait langsung dengan pembangunan modal insan yang berteraskan kemahiran kepimpinan dan kolaborasi. Menurut Informan 6,

“...Kreativiti tu kita cuba asah, tapi bukan semua murid minat aktiviti terbuka... Kepimpinan tu pun macam boleh kata ye sebab bab tu masih ramai student berbakat nak memimpin. Contohnya ramai je lagi student yang berminat nak jadi pengawas...” (Informan 6)

Informan 6 juga menyentuh tentang bakat kepimpinan murid yang dapat dikesan melalui pelaksanaan PBD. Berdasarkan petikan ini, jelaslah bahawa PBD bukan sahaja memberi ruang kepada penilaian akademik secara berterusan, malah membuka peluang kepada guru untuk membina modal insan dalam kalangan murid sejak peringkat rendah lagi.

Perbincangan

Melalui hasil kajian, persepsi guru terhadap pelaksanaan PBD adalah pelbagai yang melibatkan aspek kefahaman terhadap konsep, keberkesanan pelaksanaan, cabaran yang dihadapi serta potensi PBD dalam membina modal insan murid. Sebahagian besar guru yang ditemu bual memahami konsep asas PBD sebagai satu bentuk pentaksiran alternatif yang bersifat formatif dan berterusan. Guru menyatakan bahawa PBD membolehkan mereka memantau kemajuan murid dari semasa ke semasa dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan mereka melalui pemerhatian dalam pelbagai aktiviti. Kefahaman guru terhadap peranan PBD sebagai alat pentaksiran menyeluruh ini adalah selari dengan matlamat yang digariskan dalam dokumen Standard Prestasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2021) yang menyatakan bahawa PBD bertujuan untuk menilai perkembangan murid secara holistik. Namun begitu, kajian turut menunjukkan bahawa kefahaman ini masih belum sepenuhnya seragam. Terdapat guru yang hanya memahami secara umum PBD bukan peperiksaan tetapi kurang jelas tentang pelaksanaan menyeluruh yang merangkumi semua domain pembelajaran.

Daripada sudut keberkesanan PBD, guru berpendapat bahawa PBD memberikan peluang yang lebih luas untuk menilai murid secara menyeluruh dan berterusan. Melalui PBD, guru dapat mengenal pasti potensi sebenar murid yang mungkin tidak terserlah dalam peperiksaan konvensional. Guru dapat melihat perkembangan murid dalam konteks interaksi sosial, kemahiran komunikasi, kerjasama dan kreativiti melalui pelbagai tugas serta aktiviti pembelajaran. Hal ini disokong oleh kajian Norlly dan Hamimah (2013) yang menyebut bahawa sistem pentaksiran kini memberi penekanan kepada penilaian berterusan yang bertujuan membantu pembelajaran murid. Oleh itu, keberkesanan PBD dapat dilihat apabila ia bukan sahaja menilai pencapaian akademik, tetapi turut berperanan membentuk perkembangan holistik murid selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBD turut berhadapan dengan pelbagai cabaran praktikal yang memberi kesan terhadap keberkesanannya. Antara cabaran yang paling ketara adalah beban kerja guru yang

tinggi, pendokumentasian yang kompleks, kekangan masa dan bilangan murid yang ramai dalam satu kelas. Disebabkan wujudnya pelbagai cabaran dalam pelaksanaan PBD, proses pemarkahan menjadi kurang adil kerana guru tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada setiap murid secara individu. Hal ini disokong oleh Mustaqim (2024) yang menyatakan bahawa kesan yang telah dikenal pasti terhadap pengaplikasian PBD ini adalah berlakunya ketidakadilan guru dalam proses PBD yang dilaksanakan. Justeru, secara tidak langsung menjejaskan matlamat asal PBD untuk menilai perkembangan murid secara menyeluruh, autentik dan berpusatkan individu.

Meskipun terdapat cabaran dalam pelaksanaan PBD, guru turut mengakui bahawa PBD berperanan besar dalam membina modal insan murid khususnya dari aspek sahsiah, kepimpinan, komunikasi dan nilai murni. Melalui aktiviti seperti pembelajaran berasaskan projek, perbincangan kumpulan, pembentangan dan tugas kolaboratif, murid berpeluang menunjukkan kemahiran insaniah seperti membantu rakan, menyuarakan pendapat dan menyelesaikan masalah secara kreatif. Kajian empirikal menunjukkan bahawa PBD benar-benar menilai *soft skills* seperti kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan pengurusan diri (Mohd Hussein et al., 2021). Oleh itu, benarlah bahawa melalui pendekatan PBD ini, pembangunan modal insan dapat ditingkatkan kerana ia memberi ruang besar kepada murid untuk menyerlah.

Kesimpulan

Secara rumusnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka persepsi guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam pembangunan modal insan murid sekolah rendah. Guru umumnya memahami konsep asas PBD, namun masih terdapat kekeliruan tentang kaedah pelaksanaan yang sistematik. Kebanyakan guru bersetuju bahawa PBD berkesan dalam menilai perkembangan murid secara menyeluruh termasuklah aspek sahsiah, komunikasi dan kepimpinan. Walau bagaimanapun, guru turut menyuarakan beberapa cabaran dalam pelaksanaan seperti kekangan masa, beban tugas yang bertambah serta kurang kefahaman dalam kalangan ibu bapa. Secara keseluruhan, pelaksanaan PBD mempunyai potensi besar dalam membentuk modal insan murid yang seimbang, namun memerlukan penambahbaikan berterusan dari sudut pelaksanaan, latihan, serta dasar sokongan agar keberkesanannya dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat sekolah.

Kajian ini memberikan kefahaman mendalam kepada guru tentang peranan mereka dalam melaksanakan PBD sebagai satu sistem pentaksiran holistik. Guru-guru harus dilatih untuk memahami tahap penguasaan murid secara berterusan serta bagaimana mentafsir dan merekod maklumat dengan berkesan. Keupayaan guru untuk melaksanakan PBD dengan cekap akan memberi impak langsung kepada pembangunan modal insan murid. Kajian lanjutan seperti kawasan kajian yang berlainan, kaedah kajian dan unit analisis yang berbeza boleh dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang menyeluruh mengenai persepsi guru berkenaan dengan PBD. Perkembangan kajian mengenai PBD dapat meneroka hala tuju dasar, konsistensi pelaksanaan, kesesuaian konteks, dan penglibatan pihak berkepentingan agar proses dasar Pendidikan dapat diteliti dalam perancangan pembangunan modal insan negara.

Penghargaan: Ditujukan kepada semua penulis dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan diberikan oleh semua pihak bagi menjayakan penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini,

Rujukan

Arsaythamby, V, Hariharan, N.K & Ruzlan Md-Ali. (2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of school-based assessment in secondary schools. *International Education Studies*, 8(11), 193-203.

- Barbara S & Plake. (1993). Teacher assessment literacy: Teachers' competencies in the educational assessment of students. *Mid-western educational researcher* 6(1), 21–27.
- Baskaran, K., Rajeswari, V. P. & Saraswathy. K. K. (2021). Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 19*. Bil.1.
- Berita Harian (2021, April 5). *Hak kanak-kanak dapat pendidikan formal di sekolah*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/04/803624/hak-kanak-kanak-dapat-pendidikan-formal-di-sekolah>
- Berita Harian (2025, Mac 19). *Dasar pendidikan wajib sekolah menengah: Tindakan undang-undang terhadap ibu bapa langkah terakhir*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1374498/dasar-pendidikan-wajib-sekolah-menengah-tindakan-undang-undang>
- Creswell, John W., Creswell, J. David. (2018). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approach*. (Fifth edition). SAGE
- Fakhri Abdul Khalil & Awang, M.I. (2016). Isu Kesediaan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *EDUCATUM – Journal of Social Science* 2, 1–7.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9, Bil. 2, 25-36.
- Keddie, A. (2018). *Adult education: An ideology of individualism*. In *Adult education for a change* (pp. 45-64). Routledge.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. [www. moe.gov. my](http://www.moe.gov.my)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kwiek, M., & Szadkowski, K. (2018). Higher education systems and institutions, Poland. *Encyclopedia Of International Higher Education Systems and Institutions*, 1-10.
- Liu, J. (2021). Cognitive returns to having better educated teachers: Evidence from the China education panel survey. *Journal of Intelligence* 9, 60. <https://doi.org/10.3390/jintelligence9040060>
- Mairin Bin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Bin Saharin & Siti Rozana Binti Saili (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)* 4(1), 1-12.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 4(1), 33-48
- Mohamed, W. (2024). Impact of educating faculty on student assessment: beyond satisfaction level. *Journal of Applied Research in Higher Education* 16(5), 2108-2125. <https://doi.org/10.1108/JARHE-12-2022-0383>
- Noorzeliana Idris (2016). *Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Guru*. Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia.
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad (2022). Kesediaan guru sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. 6th *International Conference on Business Studies and Education 2022* (pp. 3-14).
- Popov, D. S. & Shestakova, D. A. (2024). Towards a Sociological Understanding of Human Capital in a Fluid Society in a state of Crisis. *Sotsiologicheskii Zhurnal* 30 (1), 43-63. <https://doi.org/10.19181/socjour.2024.30.1.3>
- Richardson, G. E. (2011). *Teacher Efficacy and Its Effects on The Academic Achievement of African American Studies*. Greeleaf University.

- Said, Ashma & Wan Mohamad, Wan Muna Ruzanna. (2023). Pemansuhan UPSR: kesediaan guru Bahasa Melayu tahun enam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 181-191. <https://doi.org/10.55057/jdspd.2023.5.1.15>.
- Sh Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM* 9(1), 56–57.
- Yates, A., & Johnston, M. (2018). The impact of school-based assessment for qualifications on teachers' conceptions of assessment. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 638-654. <http://dx.doi.org/10.1080/0969594X.2017.1295020>
- Zahari Suppian, Nor Isa & Priyalatha Govindasamy. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(4), 98–106.